

15.1 juta daftar MySejahtera setakat 16 Ogos

Kuala Lumpur: Pengguna berdaftar aplikasi MySejahtera mencecah 15.1 juta setakat 16 Ogos lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, berkata aplikasi itu juga dapat membantu kerajaan mengesan pesakit COVID-19 melalui fungsi penilaian kesihatan sendiri.

Beliau berkata setakat 16 Ogos lalu, seramai 322 pesakit COVID-19 iaitu 3.4 peratus dari 9,200 kes berjaya dikesan melalui aplikasi MySejahtera.

“Pengguna perlu menjawab soalan berhubung keadaan kesihatan dan maklumat perjalanan mereka sewaktu mula-mula menggunakan aplikasi itu mengikut garis panduan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan.

“Pengguna seterusnya perlu mengemas kini keadaan kesihatan dan maklumat perjalanan mereka dari masa ke semasa untuk mengetahui risiko mereka terhadap COVID-19.

“Bagi tujuan pengesanan kontak pula, pencarian kontak secara tepat dapat dilakukan melalui MySejahtera dan jumlah kontak yang dikesan adalah bergantung kepada kes positif COVID-19,” katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Dr Lee Boon Chye (PH-Gopeng) yang meminta Perdana Menteri menyatakan jumlah pengguna aplikasi MySejahtera dan setakat mana aplikasi itu membantu untuk mengawal pandemik COVID-19.

Mengulas lanjut, Mohd Redzuan berkata keberkesanan mengesan kontak adalah bukti aplikasi MySejahtera dapat membantu kerajaan mengawal penularan wabak COVID-19.

Katanya, MySejahtera membantu mengesan kontak rapat bagi pesakit COVID-19 melalui maklumat pengimbasan kod QR premis yang dilakukan oleh pengguna aplikasi itu.

“Versi MySejahtera terkini juga membolehkan pengguna merekodkan tanggungan mereka ketika mengimbas kod QR dan ini dapat memastikan setiap pelanggan di sesebuah premis perniagaan dapat direkodkan,” katanya.